

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM (PASIR
GUDANG)**

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah puluhan ribu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang lahir di Malaysia oleh ibu bapa rakyat Malaysia yang tiada hubungan dengan negara lain dan kanak-kanak yang tersebut tidak mempunyai dokumen.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Akta Pendaftaran kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299) menekankan mana-mana orang yang gagal untuk memberi maklumat tentang sesuatu kelahiran di Malaysia boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali. Justeru itu, mana-mana individu yang mengetahui tentang sesuatu kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah mendaftarkan dengan segera kepada JPN bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelahiran individu berkenaan dan seterusnya kad pengenalan sekiranya layak.

Bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini, maka

SOALAN NO : 28

kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya, selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi individu berumur kurang dari 21 tahun yang lahir di luar perkahwinan dan bertaraf bukan warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) ingin menegaskan bahawa kegagalan ibu bapa atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menguruskan dokumen pengenalan diri individu tersebut akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini.

KDN melalui JPN sentiasa prihatin dalam memastikan kelahiran setiap kanak-kanak di Malaysia didaftarkan dan telah mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan mudah di 225 cawangan pejabat JPN di seluruh negara. Bagi memudahkan pendaftaran kelahiran kanak-kanak di kawasan pedalaman, JPN melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:-

- a. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- b. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- c. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.